

KONSEP PENDIDIKAN ISLAM DALAM SEBUAH CERITA: YANG AMAT ARIF

(Islamic educational concepts in a story: Chief Judge)

* Khalid bin Ludin¹, Normah binti Husin¹

Submitted: 05-Jun-2024
Accepted: 19-Jun-2024
Revised: 29-Jun-2024
Published: 30-Jun-2024

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: khalid@uis.edu.my

Abstrak

Kisah ini dikategorikan sebagai kisah masyarakat Melayu dan pengarangnya ialah lelaki Muslim. Kajian ini memfokuskan tentang pengajaran cerita ini berdasarkan dua aspek, iaitu: konsep pendidikan Islam yang disebut dalam cerita tersebut dan sejauh mana kejayaan penulis dalam menyampaikan pengalaman dari perspektif agama Islam. Topik kajian ini adalah untuk memperkenalkan cerita, isi kandungan cerita, konsep pendidikan Islam, objektif cerita dan seterusnya pengalaman dari perspektif Islam penulis. Kaedah kajian adalah berdasarkan kaedah perpustakaan induktif iaitu dengan membaca cerita, menterjemah dan menerangkan beberapa teks yang mengandungi konsep pendidikan Islam. Terdapat lima topik perbincangan dalam cerita ini. Pertama adalah mengenai penulis, watak utama dan watak sokongan. Kedua adalah mengenai ringkasan cerita ini. Ketiga, penulis membahaskan tentang empat konsep pendidikan, iaitu; suara hati nurani, permintaan untuk mencegah daripada melakukan dosa, bacaan Basmalah dan keberkatannya dan akhirnya penyesalan hati nurani. Keempat, merungkai penceritaan secara keseluruhan dalam cerita ini dan objektifnya manakala topik perbincangan kelima adalah mengenai kejayaan dan kemampuan penulis menyampaikan pengalaman dari perspektif agama Islam dalam perbincangan cerita tersebut. Pendekatan yang digunakan oleh penulis Rahmat Haron dalam cerita ini adalah pendekatan gaya penulisan Islamik yang bercirikan tunjang agama Islam yang kuat, malah memperkayakan lagi penulisan dengan menyuntik elemen-elemen sastera Islam.

Kata kunci: Pengajaran Cerita, Konsep Pendidikan, Pengalaman, Perspektif Islam, Sastera Islam

Abstract

This story is categorized as a story of the Malay community and the author is a Muslim man. This study focuses on the wisdom of this story based on two aspects, namely: the concept of Islamic education mentioned in the story and the extent to which the writer is successful in conveying experiences from the perspective of Islam. The topic of this study is to introduce the story, the content of the story, the concept of Islamic education, the objective of the story and then the experience from the writer's Islamic perspective. The research method is based on the inductive library method, which is by reading stories, translating and explaining some texts that contain the concept of Islamic education. There are five topics of discussion in this story. First is about the writer, the main character and the supporting character. Second is about the summary of this story. Third, the writer debates about four concepts of education, namely, the voice of conscience, the request to prevent from committing sins, the recitation of the *Basmalah* and its blessings and finally the remorse of conscience. Fourth, unraveling the narration in this story and its objectives while the fifth discussion topic is about the success and ability of the writer to convey experiences from the perspective of Islam in the discussion of the story. The approach used by the writer Rahmat Haron in this story

is an Islamic writing style approach that is characterized by a strong pillar of Islam, and even enriches the writing by injecting elements of Islamic literature.

Keywords: *Wisdom of the Story, Concept of Education, Experience, Islamic Perspective, Islamic Literature*

1.0 PENGENALAN

Cerita ini adalah kisah pendek isu kemasyarakatan yang diolah oleh penulis Rahmat Haron, sepanjang empat muka surat. Ia berkisarkan tentang Yang Amat Arif yang keliru membuat keputusan dan kebimbangan tentang reaksi yang akan diterima. Watak utama ialah Yang Amat Arif dimana dalam pemikirannya berlegar-legar kegelisahan dan kekacauan yang berterusan rentetan kes yang akan diputuskannya di mahkamah kelak. Penulis menyebutnya dalam cerita ini menggunakan kata ganti nama diri ketiga iaitu -dia-. Manakala watak-watak sokongan terdiri daripada isteri Yang Amat Arif yang menyediakan sarapan pagi untuknya seperti biasa dan bertanya kepada suaminya tentang kegelisahan yang dialami dan dialah yang membangunkan suaminya daripada mimpinya dan memberi sokongan pada suaminya untuk membuat keputusan yang tepat tentang sesuatu kes. Terdapat watak Encik Basir, yang merupakan pemandu peribadi Yang Amat Arif dan watak Lik Ma Lam, yang merupakan bapa kepada remaja lelaki yang memeluk Islam pada usia 16 tahun dan dinamakan Ghaffar bin Abdullah. Seterusnya, watak peguam yang bersimpati dengan bapa remaja itu ketika mengemukakan hujah dan bukti bahawa pengislaman remaja itu tidak sah dan watak hakim yang mengaku di mahkamah bahawa dia membantu dan membimbing remaja itu memeluk Islam.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah perpustakaan induktif iaitu dengan membaca cerita, menterjemah dan menerangkan beberapa teks yang mengandungi konsep pendidikan Islam. Penulis membahaskan tentang empat konsep pendidikan iaitu: suara hati nurani, permintaan untuk mencegah daripada melakukan dosa, bacaan Basmalah dan keberkatannya dan akhirnya penyesalan hati nurani. Penulis berjaya mengintegrasikan konsep pendidikan Islam dan sastera dalam penceritaan cerita.

3.0 PERBINCANGAN ULASAN CERITA

3.1 ISI KANDUNGAN CERITA

Kisah ini menceritakan tentang apa yang dilihat oleh Yang Amat Arif dalam mimpi mengenai keputusannya bahawa pengislaman remaja itu adalah tidak sah, dan reaksi orang yang hadir di mahkamah. Remaja ini memeluk Islam di hadapan salah seorang hakim iaitu -hakim pertama- yang menamakannya selepas memeluk Islam, Ghaffar bin Abdullah. Yang Amat Arif bermimpi bahawa dia bangun pada pagi hari dia mendengar keputusan itu selepas menunaikan solat serta berdoa panjang kepada Allah untuk memberi petunjuk tentang keputusan yang adil dan tepat. Mengikut apa yang ditetapkan dalam undang-undang berkanun negara, tidak dibenarkan bagi seseorang untuk memeluk Islam sebelum mencapai umur 18 tahun. Hal ini kerana mereka masih di bawah penjagaan ibu bapa dan ibu bapa sahaja yang berhak menentukan agama anak-anak mereka atas faktor remaja di bawah 18 tahun tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

Semasa Yang Amat Arif berdoa kepada Tuhannya, dia memohon keampunan atas keputusan yang akan diputuskan mengikut apa yang ditentukan oleh undang-undang dan dia menyedari bahawa keputusan tersebut bertentangan dengan peraturan Tuhan. Isterinya memanggilnya dan memberitahu bahawa sarapan pagi telah siap, lalu dia bangun memakai pakaian dan langkahnya agak lama menuju ke meja sarapan pagi, akibat tidurnya terganggu memikirkan keputusan yang akan diputuskan dalam kes ini pada waktu pagi. Isterinya menyedari suaminya dalam

kegusaran, dan bertanya apa yang mengganggu fikiranmu? Dia menjawabnya dengan ringkas, "Tiada apa-apa." Semasa si suami duduk di meja sarapan, isterinya bertanya lagi kepadanya, "Apa masalahmu?" Dia menjawab: "Tiada, tiada, tiada".

Seperti biasa pemandunya Encik Basir memulakan dengan Basmalah ketika menghidupkan enjin kereta seperti yang selalu diucapkannya dalam perjalanan ke mahkamah. Manakala Yang Amat Arif berharap sesuatu yang buruk akan menimpanya agar kes itu ditangguhkan sehingga diberitahu kelak, tetapi pada akhirnya dia tiba di mahkamah dengan selamat dan menuju ke bilik mahkamah bersama rakan-rakannya. Dia telah memutuskan bahawa pengislaman remaja itu tidak sah kerana dia di bawah umur. Kemudian salah seorang daripada mereka yang hadir berdiri, mengkritik keputusan ini dan berkata: Itu adalah ketetapan orang kafir kemudiannya berlaku teriakan dan kekacauan sehingga ruang mahkamah menjadi penuh dengan fitnah dan kebiadaban. Maka Yang Amat Arif dibawa ke pejabatnya, dan dia tidak tahu apa yang perlu dilakukan, jadi dia memutuskan untuk membunuh dirinya dengan pistol yang dia bawa bersamanya pertama kali di dalam begnya.

Pada saat pistol itu diletakkan di mulut atau kepalanya, Yang Amat Arif terjaga daripada tidurnya dalam keadaan panik. Maka dia bangun menyusun semula kertas-kertasnya dan akan membuat keputusan mengikut apa yang ditetapkan oleh agamanya yang sebenar. Kisah itu berakhir dengan Yang Amat Arif mendraf semula teks keputusan dalam kes itu dengan keredhaan Tuhan Yang Maha Esa.

3.2 KONSEP PENDIDIKAN ISLAM

Konsep-konsep ini tertumpu kepada dua personaliti, iaitu Yang Amat Arif dan pemandunya Encik Basir seperti berikut:

Pertama: suara hati nurani yang sedar dan jelas dianggap sebagai pembangkit dan amaran tentang apa yang akan dialami oleh dua personaliti itu. Inilah yang digambarkan oleh penulis dalam teks berikut: Terdengar bisik suara hati, "kalau pekerjaan itu membawa dosa, berhenti saja daripada pekerjaan itu!" Jawab jiwa terkusut itu. "Pekerjaan itu pekerjaan yang mulia dan hanya perkara yang harus diselesaikan pagi nanti, memerlukan aku membuat dosa."

Hati nurani Yang Amat Arif tertekan, kerana dia mengarahkannya untuk menghentikan kerja ini disebabkan pelanggaran prinsipnya dan mengabaikan peraturan Tuhan. Dia mengetahui bahawa kerja ini mempunyai pangkat sosial yang berprestij, tetapi memerlukan dia melakukan kesilapan dan rasa bersalah. Sabda nabi Muhammad S.A.W:

"ألا وإن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح الجسد كله، وإذا فسدت فسد الجسد كله، ألا وهي القلب"

Maksudnya: "Sesungguhnya di dalam jasad itu ada seketul daging, jika baik maka baiklah seluruh jasad dan jika rosak, rosaklah seluruh jasad iaitu hati."

Seketul daging ini (mudhah), ertinya hati yang jika dibangkitkan untuk berbuat kebaikan dan mengetahui apa itu serta perintah dan larangan Tuhannya; Hati akan menjadi baik dan akan terpancar kebaikan bagi orang-orang yang mengikutinya. Hati nurani manusia tidak bermula daripada kekosongan dalam membuat keputusan dan pertimbangan, sebaliknya hati ini mesti dipenuhi dengan apa yang memperbaiki keadaannya dan keadaan mereka sekelilingnya.

Kedua: meminta untuk mencegah perbuatan maksiat: Setiap kali seorang Muslim merasakan atau menyedari bahawa dia akan terjerumus ke dalam perbuatan yang dilarang, dia mesti menjauhinya dan berdoa kepada Allah agar menyelamatkannya daripada melakukan dosa ini. Inilah yang penulis nyatakan

dalam teks berikut: “Dia terus meminta agar Tuhan memberi kekuatan untuk membuat dia berani menghentikan dosa yang kelak akan dilakukannya, atau meminta Tuhan mendatangkan bencana pada dirinya, agar dia terselamat daripada berbuat dosa. Kalau Tuhan memperkenankan permintaannya, turunkan bala terhadap dirinya supaya dia ditimpa sakit atau terkena penyakit jantung yang dihidapinya dengan izin Allah. Dia bersedia mati sebelum dosa itu dilakukan, dia enggan mengambil nyawanya sendiri dan biarlah Tuhan sendiri yang mengambil hakNya untuk kembali.

Yang Amat Arif memohon kepada Allah agar menghalangnya daripada membuat keputusan dengan cara yang tidak diredhai Allah kerana dia sedar bahawa seksaannya lebih berat dan pedih di akhirat. Allah SWT berfirman:

﴿فَادْكُرُونِي أَذْكَرْتُكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونَ﴾

Maksudnya: “Maka ingatlah kamu kepada-Ku, niscaya Aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu kafir”. Surah al-Baqarah, ayat 152

(Ingatlah Aku dan Aku akan ingat kepadamu), ertinya sentiasa mengingatkan Allah di waktu senang dan susah kerana Allah SWT mengingatkan orang yang mengingatinya dan menyeru kepadanya. Sesiapa yang sentiasa takut kepada Allah dalam apa yang dilarang dan dilarangnya, Allah melindunginya daripada setiap kejahatan dan akibat, bahkan memberikan jalan keluar baginya jika dia menghadapi masalah dan mulai berdoa kepada-Nya, memohon kepada-Nya, Maha Suci Allah.

Ketiga: Basmalah dan keberkatannya: Salah satu ajaran agama Islam ialah setiap kali seorang Muslim ingin melakukan apa-apa pekerjaan dalam kehidupan sehariannya, dia mesti memulakannya dengan basmalah supaya mendapat keberkatan dalam setiap pekerjaan dilakukan dan inilah yang ditunjukkan oleh penulis dalam teks berikut: “Sebelum menghidupkan enjin, Encik Basir mengucapkan Bismillah dengan sedikit kuat hingga terdengar di telinga Yang Amat Arif”.

Sudah menjadi kebiasaan Encik Basir yang merupakan pemandu peribadi Yang Amat Arif untuk melafazkan Basmalah sebelum menghidupkan enjin kereta kerana percaya bahawa akan mendapat keberkatan dan kereta yang dipandunya tiba dengan selamat di mahkamah. Tetapi sebaliknya yang diharapkan oleh Yang Amat Arif agar mereka tidak sampai sehingga kes yang akan diputuskan akan ditangguhkan sehingga diberitahu kelak. Allah berfirman dalam surah Hud, ayat 41:

﴿وَقَالَ ارْكَبُوا فِيهَا بِسْمِ اللَّهِ مَجْرَاهَا وَمُرْسَاهَا إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Dengan nama Allah iaitu kenderaan itu berjalan dan bergerak dengan berkat dan pertolongan Allah, maka orang yang mengucapkannya dengan hati yang penuh keimanan, kehendak Allah dan ketetapanNya adalah baik dan berkat dengan izinNya. Maha Suci Allah, setiap kali kita mengucapkan Basmalah dalam semua amalan kita di dunia dan yakin bahawa Allah adalah penguasa alam dan pencipta makhluk, dan Dia lebih mengetahui dengan kepentingan dan kebenaran mereka, keberkatan dan rahmat akan tercurah kepada mereka, insya Allah.

Keempat: Penyesalan hati nurani: Jika seseorang mempunyai hati nurani yang bersih, dia akan mencapai tahap kesedaran dan kefahaman penuh tentang apa yang dia lakukan, merasa menyesal di atas dosa yang dilakukan, dan inilah yang penulis nyatakan dalam teks berikut: “Yang Amat Arif menutup mukanya sambil menangis dan mata merah itu tidak dapat lagi menahan air mata dari mengalir. Keutuhan wibawa kehakimannya dihancurkan oleh cemuhan dan makian. Tangan

gementar itu mencapai pistol Walther P38k, larasnya dilekatkan pada dada kiri dan picunya ditarik. Namun tangan kanan itu menarik kembali pistol itu dari dada kiri. Bukan jantung itu yang bersalah, bukan juga kerana dia takut menghukum dirinya sendiri, yang bersalah benak ini yang mengetepikan hukum Allah. Lalu muncung laras itu berpindah ke dada di sebelah kanan sambil menyebut nama Allah sebanyak tiga kali, jari telunjuk itu melepaskan picu: beng!"

Yang Amat Arif berasa insaf dan bersalah dengan keputusan yang diputuskan, kerana ia bertentangan dengan peraturan Tuhan, yang menyebabkan orang-orang yang berada di dalam mahkamah mengutuknya dengan kata-kata hinaan dan cacian. Maka jatuhlah martabatnya sebagai hakim, lalu dia menuju ke biliknya dan mula menangis atas apa yang telah berlaku dan dia membuat keputusan untuk menjatuhkan hukuman mati dengan menembak dirinya sendiri kerana penyesalan yang mendalam dan melanggar peraturan Tuhan. Yang Amat Arif tersedar segala yang berlaku adalah mimpi dan dia akur dengan kebenaran dan memutuskan untuk membuat keputusan yang direndah Allah Taala. Allah SWT berfirman dalam surah al-Naziat 40-41:

﴿وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَهَيَّ النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ * فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ﴾

Dia menyedari telah melakukan kesilapan dan hati nuraninya mula menegurnya atas apa yang dia lakukan. Jadi dia bangun, bertaubat dan menghalang dirinya daripada melakukan dosa. Setiap kali seorang Muslim mencapai tahap ini, kita dapati dalam dirinya kesedaran dan kefahaman yang baik dan akan membetulkan segala dosa yang telah dilakukannya.

4.0 OBJEKTIF CERITA

Objektif cerita ini tertumpu kepada watak yang berpendidikan tinggi, iaitu Yang Amat Arif yang berada di antara dua persimpangan. Pertama undang-undang berkanun yang dipelajari dan arif tentang perinciannya dan kedua hukum Allah kerana dia seorang Muslim yang beriman kepada Tuhan. Dia bekerja di mahkamah di mana undang-undang berkanun itu sering digunakan termasuklah kes remaja bawah umur yang memeluk Islam. Bapanya menentang keputusan ini diwakili peguam untuk mempertahankan hak terhadap anaknya, sebagaimana undang-undang berkanun menetapkan bahawa tiada siapa yang mempunyai kebebasan untuk memilih agamanya di bawah umur 18 tahun dan ibu bapanya sahaja yang berhak menentukan agamanya.

Yang Amat Arif keliru tentang keputusan yang harus diputuskan. Jika dia memutuskan untuk memihak kepada bapa, dia akan melanggar agama dan nilainya dan di mata masyarakat Islamnya, dia akan menjadi tidak adil kerana menindas remaja lelaki yang telah menemui jalan kebenaran. Sekiranya dia melanggar undang-undang berkanun dan memberi kebebasan kepada remaja di bawah umur 18 tahun memilih agama, dia akan dipersalahkan oleh undang-undang. Sebaik tersedar daripada mimpinya setelah melihat akibat buruk dengan membuat keputusan berdasarkan kepada undang-undang berkanun, dia menyusun kertas kerjanya dan meminda semula keputusan itu mengikut ketetapan Allah supaya hati nurani dan pemikirannya menjadi tenang.

Kesimpulannya, sesiapa yang menjadi hakim dan memerintah di mahkamah dan dia seorang Muslim yang beriman kepada Tuhan Yang Maha Esa, dia mesti memerintah dengan adil walau apa pun keadaannya. Dalam kes seperti yang disebut dalam kisah sebelum ini, hakim mesti memerintah mengikut apa yang Tuhan

tetapkan dan dia mesti memberi justifikasi yang sesuai digunapakai oleh masyarakat yang di dalamnya terdapat kepelbagaian agama dan kaum.

5.0 PENGALAMAN DARI PERSPEKTIF ISLAM PENULIS

Watak peribadi Muslim yang diketengahkan oleh penulis membuatkan pembaca tidak boleh menyangkal bahawa penulis cerita ini mempunyai gaya bahasa penulisan Islamik apabila membaca dan memahami cerita tersebut. Watak Yang Amat Arif dan pemandunya Encik Basir diolah oleh penulis dengan berkesan sebagai watak Muslim yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar.

Dari perspektif empat konsep pendidikan Islam yang penulis sampaikan melalui cerita ini: didapati ia menjadi petunjuk yang jelas tentang budaya pendidikan Islam dan elemen-elemen Islamik yang diterapkan oleh penulis. Konsep-konsep ini mempunyai dalil daripada ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadith yang dipilih. Inilah yang dicari dan diperhatikan oleh pembaca. Oleh itu, pembaca mengakui bahawa penulis telah berjaya menyampaikan pengalaman nilai-nilai Islam dalam cerita yang diolah dan mahir dalam menterjemahkan peristiwa dalam lingkungan masyarakat melalui pengalaman hidup penulis.

6.0 KESIMPULAN

Cerita ini berjaya mengintegrasikan konsep pendidikan dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam setiap watak yang ditonjolkan. Bisikan suara hati nurani membawa watak utama untuk kembali kepada jalan kebenaran dengan mengutamakan hukum Tuhan melebihi daripada hukum yang digubal manusiawi. Tidak dinafikan pemahaman tentang pendidikan Islam, nilai-nilai murni dalam sastera juga telah digunapakai dalam filem-filem Melayu klasik sejak dahulu lagi.

Karya-karya yang dihasilkan mengintegrasikan konsep pendidikan Islam dalam sastera dan terhasillah titik persamaan yang ketara dengan cerita Yang Amat Arif seperti berikut:

Sifat tegas yang dipaparkan dalam cerita Tiga Abdul. Cerita ini menggambarkan sifat tegas yang ditonjolkan oleh watak Abdul Wahub terhadap abang-abangnya dalam menguruskan harta warisan al-marhum ayahandanya. Manakala watak Yang Amat Arif terserlah ketegasannya membuat keputusan di mahkamah mengikut lunas-lunas hukum Tuhan dan mengenenepikan undang-undang manusia yang digubal. Beliau lebih gerun azab daripada Tuhan yang bakal diterima sekiranya berpihak kepada hukum manusiawi.

Sifat sabar dalam cerita Dayang Senandung. Dia adalah seorang puteri raja yang disumpah berkulit hitam dan diseksa oleh ibu mertua ketika ketiadaan suaminya di rumah. Beliau menonjolkan sifat kesabaran yang tinggi walaupun dicerca dan dihina setiap hari malah tidak mengadu nasib pada suaminya tentang kejahatan ibu mertuanya. Persamaan watak isteri Yang Amat Arif juga dipaparkan seorang isteri yang sabar melayani suaminya walaupun suaminya bersikap endah tak endah di saat jiwanya kacau memikirkan keputusan yang akan diputuskan di mahkamah nanti.

Sifat berani dalam cerita Nujum Pak Belalang yang ditonjolkan kanak-kanak lelaki berusia lingkungan 7 hingga 10 tahun bernama Belalang. Dia berani mempertahankan bapanya malah negaranya walaupun ditimpa kesulitan. Remaja lelaki yang memeluk Islam pada usia 16 tahun dan dinamakan Ghaffar bin Abdullah dalam cerita Yang Amat Arif juga berani mempertahankan aqidahnya demi agama Islam walaupun tindakannya mendapat tentangan ayahnya sendiri.

7.0 RUJUKAN

Al-Quran al-Kareem

Sohih al-Bukhari (1400H). Takhkik Muhibuddin al-Khatib. Maktabh al-Salafiyah-Kaherah. Cetakan Pertama

Rahmat Haroun. (2003). Dewan Sastera: Disember.

Rahmat Haroun. (2003). Dewan Sastera: Mei.

Rahmat Haroun. (1990). Yang Amat Arif. Dewan Sastera: Jun.